

Kenyataan Akhbar

Jun 10, 2023

Bagan Specialist Centre | Projek khidmat masyarakat

Pembukaan Rasmi “Taman Rekreasi Bagan by Bagan Specialist Centre”

Bagan Specialist Centre mengumumkan pembukaan rasmi "Taman Rekreasi Bagan by Bagan Specialist Centre", sebuah taman awam baru yang direka untuk mendorong gaya hidup sihat bersama dan memberikan kemudahan ruang yang berkesan dalam komuniti. Bagan Specialist Centre membelanjakan sebanyak RM1.2 juta untuk pembinaan semula taman ini dengan tujuan menawarkan pelbagai kemudahan yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelbagai kumpulan umur bagi menggalakkan aktiviti luaran dan kehidupan sihat di kalangan penduduk Butterworth dan kawasan sekitarnya.

"Taman Rekreasi Bagan by Bagan Specialist Centre" merupakan projek khidmat masyarakat kerjasama dengan MBSP. Ia adalah sebuah taman seluas 2.6 ekar yang menawarkan padang bola sepak berukuran penuh, trek jogging, kawasan bermain, zon aktiviti keluarga, kawasan yang dikhususkan untuk aktiviti warga tua, dan juga merupakan kawasan pertanian bandar. Kemudahan-kemudahan ini dibina untuk menyediakan pelbagai pilihan aktiviti fizikal dan interaksi sosial untuk menggalakkan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk komuniti di sini.

Selain daripada mempromosikan gaya hidup sihat, pembukaan taman ini adalah bertujuan untuk Bagan Specialist Centre menghargai komuniti tempatan dengan cara menyediakan ruang yang selamat dan mesra untuk penduduk dari pelbagai peringkat umur meluangkan masa bersama dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kesihatan. Selain itu, taman ini bukan hanya sekadar memberi manfaat kepada komuniti, tetapi juga berfungsi sebagai tarikan destinasi untuk pesakit, pengunjung, dan pekerja apabila mereka memerlukan udara segar selain daripada persekitaran hospital.

Pembukaan "Taman Rekreasi Bagan by Bagan Specialist Centre" menandakan satu lagi pencapaian inisiatif hijau yang bertujuan untuk memupuk kelestarian terhadap komuniti. Bagan Specialist Centre aktif melibatkan diri dalam pelbagai inisiatif khidmat masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup warga penduduk Butterworth dan kawasan sekitarnya.

Dari permulaan sebagai hospital komuniti, Bagan Specialist Centre telah berkembang pesat untuk menyediakan pelbagai kemudahan kompleksiti kesihatan dan pembedahan. Dengan barisan doktor pakar yang terlatih dalam perubatan yang khusus, termasuk ortopedi, penjagaan kanser, kesihatan jantung, dan lain-lain.

Taman rekreasi kini akan dibuka kepada orang awam setiap hari. Bagan Specialist Centre mengalu-alukan orang awam untuk menikmati kemudahan ini. Di Bagan Specialist Centre,

kami sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang untuk pesakit dan sentiasa mengambil berat tentang kesihatan masyarakat. Kami berazam untuk menjadi pusat perubatan dan kesihatan yang dipercayai dan berkhidmat dengan sepenuh hati untuk mencapai hari esok yang lebih baik.

-TAMAT-